

IPTA berjaya jana pendapatan sendiri

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Universiti-universiti awam di negara ini berjaya menjana pendapatan sendiri sejak beberapa tahun lalu selepas langkah-langkah kewangan mapan dimulakan sedekad lalu.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kesemua 20 universiti awam meningkatkan pendapatan masing-masing dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

“Sebagai contoh, dalam kalangan universiti penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjana lebih 20 peratus pendapatan sendiri manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) pula 22 peratus dan Universiti Sains Malaysia (USM) 16 peratus.

“Dalam kalangan universiti bukan penyelidikan pula, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

menjana 29 peratus pendapatan sendiri, Universiti Malaysia Sarawak 23 peratus dan Universiti Sains Islam Malaysia 26 peratus,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Malah Idris berkata, terdapat universiti bukan penyelidikan yang ditubuhkan tidak melebihi 10 tahun turut berjaya menjana pendapatan sendiri.

“Universiti Malaysia Kelantan menunjukkan perolehan pendapatan cukup membanggakan iaitu sebanyak 33 peratus diikuti Universiti Sultan Zainal Abidin sebanyak 25 peratus dan Universiti Malaysia Terengganu sebanyak 16 peratus,” ujarnya.

Beliau percaya universiti-universiti terbabit akan dapat menjana lebih banyak pendapatan sendiri sebelum berakhirnya tahun ini.